

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN LIM GUAN ENG
KAWASAN : BAGAN
TARIKH : 16 JUN 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah kutipan tol semua syarikat konsesi lebuhraya sejak 1990. Adakah Kerajaan merancang untuk menstrukturkan semula perjanjian konsesi khususnya bagi syarikat konsesi yang berjaya mengutip tol melebihi kos asal pembinaan lebuhraya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan hasil tol oleh kesemua syarikat konsesi lebuhraya untuk tempoh dari tahun 1990 hingga 2012 ialah sebanyak RM47.2 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM28.3 bilion atau hampir 60% melibatkan hasil kutipan tol untuk lebuhraya-lebuhraya di bawah kendalian syarikat konsesi PLUS Berhad. Sebahagian besar hasil kutipan tol ini atau hampir 90% digunakan untuk membayar semula pinjaman kepada institusi kewangan, melaksanakan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan serta menaik taraf lebuhraya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa kini sedang membuat kajian yang menyeluruh berhubung isu-isu berkaitan konsesi tol lebuhraya sedia ada di negara ini. Kajian tersebut telah memperincikan beberapa cadangan tol yang bersesuaian seperti penstrukturan semula kadar tol dengan mengambil kira kos operasi, kos penyelenggaraan, jumlah trafik, keuntungan atau kerugian syarikat-syarikat konsesi terbabit. Ia turut melibatkan cadangan pindaan terhadap terma-terma perjanjian konsesi sedia ada di mana ini memerlukan persetujuan kedua-dua pihak, iaitu Kerajaan dan pihak konsesi.

Sehubungan itu, beberapa siri rundingan telah dan sedang diadakan dengan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya berkaitan. Rundingan tersebut bertujuan untuk mencari kaedah penyelesaian jangka pendek, sederhana dan jangka panjang berkaitan isu tol.

- Prinsip utama rundingan tersebut ialah berasaskan situasi 'menang-menang' kepada semua pihak, iaitu Kerajaan, rakyat, syarikat konsesi, pelabur dan pemberi pinjaman.

Sekian. Terima kasih.